

24 NOV 1999

Mahathir-boneka

TIADA UNDANG-UNDANG HALANG PEMBANGKANG TERIMA BANTUAN ASING

KUCHING, 24 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sekadar mampu mendedahkan perbuatan pembangkang menjadi boneka asing dengan menerima bantuan kewangan dan sokongan luar kerana tidak ada undang-undang yang menghalang parti politik mendapat bantuan dari negara lain.

"Tapi kalau mereka melanggar undang-undang (lain), kita akan mengambil tindakan," katanya kepada pemberita di sini di akhir lawatannya ke Sarawak.

Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali tiba dari Kota Kinabalu malam tadi dan meneruskan perjalanan mereka ke Johor Baharu.

Dr Mahathir menyatakan rasa dukacitanya jika benar kejadian itu berlaku kerana ini jelas merupakan campur tangan asing dalam urusan negara ini.

Pemuda Umno hari ini dilaporkan meminta kerajaan menyiasat cubaan beberapa suruhanjaya tinggi dan kedutaan asing di negara ini memberi bantuan kewangan dan sokongan kepada ahli politik pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan, menjelang pilihan raya umum ke 10 ini.

Mengenai kedudukan Barisan Nasional Sarawak dalam pilihan raya Isnin ini, beliau yakin akan kemampuan BN negeri untuk mencapai kemenangan besar.

Dr Mahathir berkata kedatangan beliau hanya untuk meninjau suasana pilihan raya dan berpendapat Sarawak tidak menghadapi banyak masalah.

"Saya nampak pihak parti lawan tidak begitu aktif. Saya yakin kita boleh dapat kemenangan besar di Sarawak," katanya.

Beliau juga yakin bahawa Sarawak dan Sabah akan menjadi penyumbang terbesar kepada kemenangan BN dalam pilihan raya ini.

Katanya Sarawak dijangka menyumbang sekurang-kurangnya 26 daripada 28 kerusi yang dipertandingkan.

"(Malah) tidak mustahil kita boleh sapu bersih di Sarawak. Mereka (BN Sarawak) kata mereka boleh dapat capai matlamat itu," katanya.

BN sudahpun memenangi satu kerusi Parlimen pada hari penamaan calon 20 Nov lepas apabila calonnya Douglas Uggah Embas tidak dicabar di Betong.

Dr Mahathir menyatakan keyakinannya sekali yang BN boleh mendapat kemenangan dua pertiga.

"Saya pasti tentang itu," katanya.

Ditanya hasrat PAS untuk melaksanakan hukum hudud di Kelantan jika parti itu menang sekali lagi, beliau sambil berseloroh berkata: "Nanti ada rakyat negeri itu yang kaki, tangan, malah kepala mereka jadi kudung."

Katanya sekarang ini rakyat Kelantan sudah banyak lari di tempat lain kerana tidak mendapat pekerjaan di negeri itu.

"Dengan itu jika dilaksanakan hukum hudud ala PAS, hukum hudud ciptaan PAS ini, orang Kelantan makin banyak lari," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat Kelantan juga akan sedar bahawa PAS tidak membawa banyak kemajuan.

"Hanya hendak cedera orang dengan mencipta hukum hudud yang ia cipta sendiri," katanya.

Mengenai laporan ada majikan yang tidak bersedia memberi cuti kepada pekerja semasa mengundi Isnin ini, Dr Mahathir berkata kerajaan sudah mengisytiharkan hari berkenaan sebagai cuti umum.

Oleh sebab itu jika pekerja dipanggil bekerja, majikan harus memberi pekerja mereka gaji ganda seperti yang digariskan dalam undang-undang, katanya.

Beliau berkata pekerja ada hak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya majikan tidak membayar gaji ganda untuk pekerjaan mereka pada

hari berkenaan.  
-- BERNAMA  
opp mai